

*Artikel*

**Pengaruh Faktor Keperluan dan Kemahuan terhadap Interpretasi Komuniti Tamil tentang Kualiti Hidup di Kawasan Setinggan Dharavi, Mumbai, India**

(*The Influence of the Need and Want Factors on the Tamil Community's Interpretation of Quality of Life at the Dharavi Slum, Mumbai, India*)

Thennarasu Sigamani\* & Novel Lyndon

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden:[thenna250995@gmail.com](mailto:thenna250995@gmail.com) / [p113556@siswa.ukm.edu.my](mailto:p113556@siswa.ukm.edu.my)

Diserah: 30 September 2023

Diterima: 11 January 2024

**Abstrak:** Kualiti hidup setinggan seringkali dilihat daripada sudut pemahaman dan keperluan pihak pembuat dasar. Keadaan ini menyebabkan kemahuan dan keperluan komuniti setinggan kerap diketepikan dan tidak diendah. Fenomena ini mencerminkan kelemahan intervensi oleh pihak berkepentingan dalam memastikan kualiti hidup bagi komuniti Tamil di kawasan setinggan Dharavi. Sekiranya langkah yang efektif tidak diambil, keadaan ini boleh memberi kesan negatif kepada kualiti hidup penduduk di bandar dan komuniti setinggan bandar. Untuk menangani isu ini, adalah penting untuk memahami interpretasi komuniti yang terlibat itu sendiri bagi membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat setinggan. Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh faktor keperluan dan kemahuan terhadap interpretasi komuniti setinggan Tamil tentang kualiti hidup di kawasan setinggan Dharavi, Mumbai, India. Seramai 20 orang informan telah dipilih dari kalangan komuniti Tamil di kawasan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dimana data telah dikumpul melalui temu bual mendalam dan pemerhatian tidak turut serta sebelum dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan kualiti hidup informan dipengaruhi oleh faktor keperluan dan kemahuan komuniti Tamil di kawasan setinggan Dharavi, India yang boleh dikategorikan sebagai material atau bukan material. Penemuan ini boleh digunakan oleh pihak berkepentingan untuk membangunkan dasar dan program yang lebih berkesan untuk komuniti setinggan. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi panduan kepada pengkaji akan datang.

**Kata kunci:** Kualiti hidup; kawasan setinggan; komuniti Tamil; keperluan; kemahuan

**Abstract:** The quality of life in slums is often seen from the policymakers' perspective and understanding. Such a situation often causes the wants and needs of the slum community to be ignored. This phenomenon reflects the weakness of interventions implemented by stakeholders to ensure the quality of life for the Tamil community in the Dharavi slum. Failure to take effective measures will prompt the situation to have a negative impact on the quality of life of both urban residents and urban slum communities. To address this issue, it is important to understand the interpretations of the communities involved. Such an understanding can help improve the quality of life of the slum community. Thus, the main objective of this study was to examine the influence of the need and desire factors on the interpretation of the Tamil slum community about the quality of life in Dharavi, Mumbai, India. A total of 20 informants were selected from the Tamil community living at the location. This study used a qualitative method whereby the data was collected through in-depth interviews and non-participatory observations followed by a thematic analysis. The results showed that the informants' quality of life is influenced by the needs and wants of the Tamil community in the slums of Dharavi, India,

which can be categorized as material or non-material. Such findings can be utilized by stakeholders to develop more effective policies and programs for slum communities. It also serves as a guide for future researchers.

**Keywords:** Quality of life; slums; Tamil community; needs; wants

## Pengenalan

Kualiti hidup boleh diinterpretasikan sebagai pandangan atau tanggapan seseorang tentang cara hidup atau pemilikan mereka yang dijelaskan daripada segi keperluan dan kepuasan dalam konteks fizikal, psikologi, sosial, aktiviti, material, dan struktur (Hörnquist, 1982). Menurut Laporan InterNations (2021), indeks kualiti hidup di negara India berada di kedudukan kedua terburuk di dunia dan menduduki tempat ke-58 daripada 59 buah negara. Manakala, bandar Mumbai mempunyai indeks kualiti hidup yang paling rendah dan menduduki tempat ke-31 antara 33 buah bandar di India. Ini bermaksud walaupun Mumbai mempunyai status ekonomi yang baik, bandar tersebut mencatatkan kualiti hidup yang terburuk di India yang disebabkan oleh kos sara hidup, kadar migrasi, dan pertumbuhan ekonomi yang pesat (Chauhan, 2021). Akan tetapi, adalah tidak wajar untuk melihat faktor-faktor ini sahaja tanpa meneliti interpretasi kualiti hidup oleh komuniti setempat. Ini kerana komuniti Tamil dalam kajian ini mempunyai interpretasi tersendiri tentang kualiti hidup serta pelbagai faktor yang menyebabkan kualiti hidup buruk berterusan. Tahap kualiti hidup akan menjadi lebih baik sekiranya kita dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi interpretasi sesebuah komuniti tentang kualiti hidup.

Dalam kajian ini, komuniti Tamil di Dharavi, Mumbai, India merupakan komuniti yang telah melalui proses migrasi dari Tamil Nadu ke bandar Mumbai untuk mencari peluang pekerjaan. Akan tetapi, komuniti Tamil di Dharavi ini tidak diiktiraf oleh kerajaan Maharashtra. Menurut Mumbai *Vizhithezhu Iyakkam*, terdapat 25 juta orang komuniti Tamil dari selatan India yang tinggal di Dharavi dan Maharashtra (Shanmughasundaram, 2021). Kemasukan migran dari pelbagai negeri di bandar Mumbai dan pertumbuhan bandar yang pesat telah membuka kawasan setinggan Dharavi. Ini membuktikan bahawa migrasi dan urbanisasi mempunyai hubungan yang rapat serta memberikan implikasi kepada kewujudan kawasan setinggan seperti Dharavi. Ianya bukan sahaja mempunyai impak kepada penempatan malah mengakibatkan kemiskinan bandar dan pembangunan komuniti yang tidak seimbang.

Senario kehidupan golongan migran dari Tamil Nadu ke kawasan setinggan Dharavi yang serba kekurangan daripada segi kemudahan dan perkhidmatan asas dapat menggambarkan suasana kemiskinan. Fenomena kawasan setinggan ini memberi implikasi dan cabaran yang hebat kepada negara membangun seperti India. Ini kerana isu tersebut menyebabkan pelbagai permasalahan di bandar terutamanya yang berkaitan dengan kualiti serta taraf hidup penduduk bandar secara keseluruhan (De Geest & Walraet, 2014). Pelbagai keperluan dan kemahuan komuniti Tamil di kawasan setinggan Dharavi, India masih tidak dipenuhi dan sering diabaikan sehingga wujud kemiskinan tegar (Crerar, 2010). Isu ini amat serius kerana sebagai sebuah bandar yang telah mencapai status ekonomi dan demokrasi yang tinggi, Mumbai masih mempunyai masalah kemiskinan di kawasan setinggan yang turut menyebabkan berlakunya pelbagai permasalahan sosial.

Walaupun Mumbai telah mencapai tahap kemajuan yang tinggi, dianggarkan lebih daripada 22 juta orang (70%) di bandar tersebut mengalami kemiskinan tegar dan tinggal di kawasan setinggan (*Laporan Ketua Setiausaha, Laporan Matlamat Pembangunan Mampan. Goal 1: Sustainable Development Knowledge Platform*, 2018). Kawasan setinggan Dharavi, India merupakan kawasan setinggan terbesar di bandar Mumbai dan kawasan setinggan yang paling terkenal di India. Populasi Dharavi dianggarkan berjumlah antara 700,000 hingga 1 juta orang, dengan beberapa kajian melaporkan angka yang lebih besar (Manoj, 2018). Ini jelas menunjukkan bahawa kurangnya keperluan hidup dalam kalangan komuniti Tamil di kawasan setinggan Dharavi, India telah menjelaskan kestabilan kualiti kehidupan mereka sejak era migrasi dari Tamil Nadu (Fernando, 2009). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyiasat sejauh manakah faktor keperluan dan kemahuan mempengaruhi interpretasi komuniti setinggan Tamil tentang kualiti hidup. Persoalan ini akan dijawab melalui objektif kajian yang dibina untuk menghuraikan pengaruh faktor keperluan dan kemahuan terhadap interpretasi kualiti hidup oleh komuniti setinggan Tamil.

## Sorotan Literatur

Pelbagai kajian tentang kualiti hidup telah dilaksanakan oleh para penyelidik terdahulu. Penelitian awal oleh *World Health Organization Quality of Life* (WHOQOL) mendefinisikan kualiti hidup sebagai satu konsep multidimensi yang luas dan merangkumi penilaian subjektif kedua-dua aspek kehidupan yang positif dan negatif (The Whoqol Group, 1998). Selain itu, kualiti hidup merupakan persepsi individu tentang kedudukan kehidupan mereka dalam konteks budaya dan sistem nilai. Ini kerana mereka hidup dan berhubung dengan matlamat, jangkaan, standard, dan kebimbangan mereka (*The World Health Organization Quality of Life (WHOQOL)*, 2012). Diener et al. (1999) pula mendefinisikan kualiti hidup sebagai keadaan hidup yang terdiri daripada emosi, kesihatan, tahap kepuasan dalam pekerjaan dan ekonomi, tahap kepuasan keperluan dan kemahuan, serta hubungan individu.

Kualiti hidup boleh ditakrifkan daripada segi tahap kepuasan keperluan hierarki bagi kebanyakan golongan masyarakat. Individu dengan tahap kepuasan keperluan yang tinggi akan mempunyai kualiti hidup yang semakin tinggi. Institusi adalah agen yang penting bagi memenuhi keperluan manusia dalam masyarakat serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat (Sirgy, 1986). Pada tahun 1962, Abraham Maslow menerbitkan sebuah buku bertajuk *Towards a Psychology of Being* dan mencadangkan teori kualiti hidup yang masih dianggap sebagai teori kualiti hidup yang konsisten pada masa kini. Maslow juga mengasaskan teori pembangunan kearah kebahagiaan dan kewujudan sejati dalam konsep keperluan manusia (Ventegodt et al., 2003).

Terdapat banyak kajian tentang kualiti hidup di kawasan setinggan tetapi kesemuanya menjelaskan situasi keadaan berkaitan dengan kualiti hidup, pembangunan, dan dasar-dasar berkaitan di India serta kawasan setinggan secara khusus. Antaranya, analisis kemudahan awam dengan kawasan setinggan (Mundu & Bhagat, 2008), analisis strategik kerajaan India bagi kawasan setinggan (Jagdale, 2013), dan kajian kualiti air di kawasan setinggan (Subbaraman et al., 2015). Terdapat kekurangan kajian yang khusus mengenai persepsi komuniti itu sendiri tentang faktor-faktor keperluan dan kemahuan yang mempengaruhi interpretasi mereka terhadap kualiti hidup di kawasan setinggan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan dan kemahuan sesebuah komuniti bagi memperbaik atau mencipta polisi yang efektif selaras dengan interpretasi komuniti yang terlibat. Walaupun kajian terdahulu mempunyai kelebihan tersendiri, masih terdapat jurang kajian untuk melihat kualiti hidup dari pandangan komuniti yang terlibat. Terdapat juga keperluan untuk melihat daripada sudut pendekatan bawah-atas (*bottom-up approach*) serta intervensi dari pihak kerajaan. Ini akan membuka ruang bagi memfokuskan pembangunan komuniti yang lebih komprehensif serta menerangkan sebab pembentukan pandangan tersebut.

## Metodologi

### 1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam dan pemerhatian tidak turut serta. Kajian kualitatif adalah kaedah yang penting dalam kajian sains tingkah laku (Islam & Faruque, 2016). Ini kerana kajian kualitatif dapat mengkaji fenomena sebenar dan persekitaran serta menginterpretasi keadaan (Denzin & Lincoln, 2000). Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah fenomenologi melalui kajian lapangan yang berfokus di kawasan kajian Dharavi Mumbai, India. Ini membolehkan pengkaji memerhati dan berinteraksi secara langsung dengan komuniti Tamil setinggan di Dharavi, India untuk memahami faktor yang mempengaruhi interpretasi mereka tentang kualiti hidup.

### 2. Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data telah dijalankan melalui temu bual mendalam dan pemerhatian tidak turut serta yang berlangsung di kawasan kajian Dharavi, India selama 30 hari. Dalam tempoh tersebut, pengkaji telah mengadakan temu bual secara mendalam bersama 20 orang informan. Pengkaji melakukan pemerhatian tidak turut serta bagi melihat keadaan sebenar komuniti Tamil di kawasan setinggan Dharavi dengan lebih tepat. Proses pemerhatian tersebut telah dilakukan tanpa melibatkan sebarang interaksi dengan komuniti yang dikaji

serta persekitarannya. Maklumat yang dikumpul melalui kaedah pemerhatian tidak turut serta lebih dipercayai kerana ianya kurang dipengaruhi oleh reaksi subjek serta perasaan dan simpati pengkaji (Mohd Majid, 1998).

### 3. Persampelan

Informan kajian terdiri daripada komuniti Tamil di kawasan setinggan Dharavi Mumbai, India. Bagi tujuan pemilihan informan, kajian ini menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan tujuan dan persampelan bola salji. Persampelan tujuan merupakan pemilihan sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan iaitu yang terdiri daripada komuniti Tamil di kawasan setinggan Dharavi, umur melebihi 18 tahun sebagai informan kajian dan mewakili zon kawasan-kawasan di Dharavi. Ini bermakna tidak semua populasi dalam kajian ini digunakan sebagai informan. Persampelan ini mengenal pasti dan memilih individu atau kumpulan individu yang amat berpengetahuan atau berpengalaman dengan fenomena yang berlaku (Creswell & Plano, 2011). Selain itu, persampelan bola salji merupakan teknik pemilihan informan dengan merujuk subjek berpotensi yang lain (Coleman, 1958).

### 4. Analisis Data

Menurut Marohaini Yusoff (2001), proses pengumpulan dan analisis data kajian kualitatif harus dilaksanakan secara serentak, berkaitan, dan berterusan dan bukannya secara langkah demi langkah. Proses menganalisis data kualitatif kebanyakannya melibatkan pengekodan atau pengkategorian data. Dalam kajian ini, data yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian adalah terdiri daripada transkrip temu bual, rakaman audio, dan catatan nota lapangan. Pengkaji menggunakan perisian ATLAS.ti bagi tujuan analisis data yang lebih tepat dan sistematik. Proses analisis data kajian ini dilaksanakan dengan menyemak data secara mendalam untuk mencari tema yang boleh digunakan bagi meneliti tujuan kajian ini (Gall et al., 2003) iaitu menghuraikan pengaruh faktor keperluan dan kemahuan terhadap interpretasi komuniti Tamil tentang kualiti hidup.

### 5. Etika Kajian

Dalam sesuatu kajian, adalah penting untuk mendapatkan persetujuan pihak yang ditemu bual dan merahsiakan maklumat, nama, serta identiti peribadi mereka. Hal ini penting bagi menjaga kerahsiaan identiti pihak yang ditemu bual dan mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul akibat temu bual tersebut (Orb et al., 2001). Untuk menjaga kerahsiaan maklumat diri komuniti yang ditemu bual dan data yang diperoleh, kajian ini menggunakan nama samaran (e.g., Informan 1 dan Informan 2) bagi menjamin keselamatan peserta kajian daripada dikenali. Informan kajian juga perlu memberikan persetujuan bertulis untuk ditemu bual, diperhatikan, dan dirakam secara audio semasa sesi temu bual.

## Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini terbahagi kepada dua tema utama iaitu pengaruh faktor keperluan dan kemahuan terhadap interpretasi. Kedua-dua tema mempunyai sub-tema tersendiri yang terdiri daripada keperluan material dan bukan material serta kemahuan material dan bukan material.

Kajian ini menentukan pengaruh interpretasi komuniti setinggan Tamil tentang kualiti hidup melalui faktor keperluan dan kemahuan berdasarkan Hierarki Keperluan Maslow (Maslow, 1943). Keperluan dan kemahuan boleh disifatkan secara meluas sebagai kuasa psikologi yang mempengaruhi tingkah laku manusia (Schultz, n.d.). Kualiti hidup seseorang boleh dinilai dengan mengambil kira faktor pengaruh keperluan dan kemahuan ini. Justeru, bahagian ini menerangkan dapatan yang telah dikenal pasti dalam kajian ini.

### 1. Pengaruh Faktor Keperluan

Keperluan manusia merupakan satu perkara asas yang perlu dimiliki untuk meneruskan kehidupan yang sempurna. Maslow (1943) mencadangkan idea hierarki keperluan yang menunjukkan bahawa individu bermotivasi untuk memenuhi keperluan asas sebelum beralih kepada keperluan-keperluan lain sebagai keperluan lanjutan (Cherry, 2022). Teori tersebut jelas menyatakan bahawa keperluan asas seperti udara, air, makanan, dan tempat tinggal wajib dimiliki oleh manusia untuk hidup, manakala keperluan lain saling

melengkapi untuk kehidupan yang lebih selamat, sempurna, dan berkualiti. Dalam kajian ini, keperluan dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu keperluan material dan bukan material.

### *Keperluan Material*

Keperluan material merujuk kepada kebendaan yang manusia boleh nikmati secara fizikal seperti tenaga, air, makanan, dan tempat tinggal (Kemp-Benedict, 2013). Dalam Hierarki Keperluan Maslow, fisiologi diletakkan di dasar piramid yang bersifat keperluan material (Bhalla et al., 2018). Berdasarkan temu bual, 15 orang informan bahawa menyatakan keperluan mereka adalah secara material. Terdapat tiga jenis keperluan material yang dikenal pasti iaitu pendapatan atau kewangan, pekerjaan, serta keperluan rumah.

#### *i. Pendapatan atau kewangan*

Pendapatan atau sumber kewangan wang merupakan ejen terpenting bagi mencapai keperluan asas mengikut keperluan fisiologi (Bhalla et al., 2018). Majoriti informan iaitu seramai 15 orang informan mengakui bahawa sumber kewangan yang kurang merupakan kekangan terbesar dalam kehidupan mereka. Ini kerana ketiadaan wang menjadi penghalang dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Situasi ini menyebabkan mereka tidak mempunyai sumber makanan yang mencukupi dan keperluan fisiologi yang lain termasuk tempat tinggal yang selamat. Dapatkan kajian menjelaskan kehidupan dipengaruhi dan bergantung kepada wang. Ini dapat ditunjukkan melalui petikan temu bual Informan 5, 12 dan 14 di bawah..

*“...semua memang harapkan duit...” (I5)*

*“...Wang yang penting kan? Hahahaha Wang segalanya. Kemudahan dan kekayaan rumah semua perlu baik, ia ikut apa yang kita dapat dan teruskan hidup...” (I14)*

*“...Lagi satu keperluan asas adalah wang. Wang kalau dapat extra dari gaji, sekurang-kurangnya, bukan secara atas saya cakap sekurang-kurangnya, boleh meneruskan hidup...” (I12)*

Keperluan kewangan yang stabil juga menjadi satu kewajipan bagi golongan ini. Mereka berpendapat bahawa dengan memiliki lebihan kewangan atau kewangan yang stabil akan membolehkan mereka untuk sekurang-kurangnya meneruskan hidup dengan baik, seperti yang dinyatakan oleh Informan 12 di atas.

#### *ii. Peluang pekerjaan*

Hasil dapatkan kajian menunjukkan bahawa peluang pekerjaan juga merupakan satu keperluan material yang diperlukan oleh komuniti ini. Mempunyai pekerjaan akan membolehkan mereka untuk memiliki sumber pendapatan yang baik, sekaligus memperoleh kehidupan yang baik. Pernyataan oleh Informan 16, 17, dan 18 jelas menunjukkan bahawa mereka memerlukan pekerjaan untuk memperoleh pendapatan yang baik.

*“...perlu ada kerja yang sesuai sudah cukup...” (I16)*

*“...Rumah sendiri. Kerja yang baik. Salary yang baik. Means boleh adjust...” (I17)*

*“...Basic needs saya adalah buat sekarang adalah gaji yang baik, boleh beli peralatan di rumah peti sejuk, mesin basuh semua, rumah boleh dapatkan yang lebih besar. Boleh digunakan untuk kegunaan harian, peti sejuk, mesin basuh semua penting bagi semua sekarang....” (I18)*

Pernyataan di atas jelas menunjukkan komuniti setinggan Tamil berpendapat bahawa keperluan harian mereka boleh dipenuhi dengan adanya pekerjaan dan sumber pendapatan yang baik.

#### *iii. Keperluan rumah*

Hasil dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti informan juga menyatakan rumah sebagai satu keperluan material yang utama. Umum mengetahui bahawa rumah merupakan keperluan yang wajib untuk manusia

tinggal, berlindung, berehat, dan menguruskan keperluan harian. Dalam situasi kawasan setinggan, faktor yang paling dibincangkan adalah perumahan dan kawasan yang tidak terurus (Olotuah, 2012). Pernyataan kajian oleh Olotuah (2012) sepadan dengan kajian ini dimana ramai informan yang tidak memiliki perumahan yang standard atau ruang rumah yang mencukupi untuk tinggal bersama keluarga. Keadaan rumah yang sempit dan tidak mempunyai privasi serta kemudahan tandas menjadi masalah utama bagi komuniti ini yang telah dikenal pasti melalui pemerhatian di lapangan. Hal ini dibuktikan melalui temu bual bersama Informan 10 dimana mereka menyatakan perlunya rumah yang lebih baik untuk didiami. Selain memerlukan rumah yang berkeadaan lebih baik, kadar sewaan yang agak mahal di kawasan setinggan juga merupakan faktor yang mendorong mereka untuk memiliki unit rumah sendiri.

*“...Rumah. Kalau ada rumah di Mumbai, kita tidak perlu bayar sewa, 4 ribu itu lebihan betul. Duit itu boleh jadikan saving...” (I8)*

*“...Rumah yang baik. Tempat tinggal yang baik. Main itu. Makan atau tidak, kita perlukan tempat yang selesa sekurang-kurangnya untuk tidur. Mainly tempat tinggal. Environment baik. Betul-betul. Jadi bukan saya nak banglo semua...” (I10)*

*“...perlukan rumah yang sendiri. Kalau ada rumah sendiri, duit untuk sewa kurang. Duit sewa itu kita dapat guna untuk beli keperluan yang lain, dapat buat sesuatu untuk anak, dapat beri makaman yang khasiat. Duit sewa itu berlebihan kan? Jadi perlukan rumah sendiri, kalau itu ada limit...” (I11)*

Para informan di atas jelas menunjukkan bahawa mempunyai unit rumah sendiri yang berkeadaan lebih baik boleh menjimatkan wang untuk kegunaan keperluan yang lain. Justeru, rumah menjadi satu keperluan material bagi komuniti ini.

#### *Keperluan Bukan Material*

Keperluan bukan material merujuk kepada keperluan bukan kebendaan yang tidak boleh dinikmati oleh manusia secara fizikal. Menurut S. Streeten (1979), antara contoh keperluan bukan material adalah penentuan nasib sendiri, berdikari, kebebasan politik dan keselamatan, penyertaan dalam membuat keputusan, identiti kebangsaan dan budaya, serta rasa tujuan hidup dan bekerja. Kajian ini mendapati bahawa keperluan bukan material terdiri daripada kemahiran dan pendidikan, kebebasan dan kuasa, serta sanitasi dan tandas.

##### *i. Kemahiran dan pendidikan*

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan kemahiran merupakan salah satu keperluan bukan material yang dikehendaki oleh komuniti ini jelas dinyatakan oleh Informan 3 di bawah.

*“...skills development macam itu ada lebih baik. Macam particular skill development school workshop ada buat biasanya. Hanya satu particular skill sahaja. Sebab apa kalau ada satu skill, nanti boleh pergi mana-mana hidup...” (I3)*

Kanak-kanak perlu mendapat kemahiran yang akan membantu mereka meningkatkan aspek kehidupan fizikal, artistik, dan emosi serta kecemerlangan akademik untuk berkembang maju dalam dunia yang kompetitif ini (Parikh, 2022). Hal ini akan membantu pembangunan kemahiran sebagai sebahagian daripada pendidikan sekolah yang sememangnya penting untuk mewujudkan asas yang kukuh untuk masa depan.

*“...Needs, perlukan proper education. Dengan education yang ada perlu ada kerja yang sesuai sudah cukup. Itu yang basic needs di sini....” (I16)*

Petikan oleh Informan 16 di atas jelas menunjukkan komuniti setinggan Tamil memerlukan pendidikan yang baik dan berkualiti. Beliau menegaskan bahawa pendidikan merupakan satu keperluan asas yang perlu ada oleh setiap orang bagi mendapat pekerjaan yang baik serta membaiki kehidupan mereka. Selain itu,

Informan 16 menerangkan bahawa kemudahan pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan amat kurang dan ianya menjadi beban bagi golongan yang mundur di kawasan ini.

### *ii. Kebebasan dan kuasa*

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan bukan material yang dapat dikenal pasti adalah kebebasan dan kuasa seperti yang dinyatakan oleh Informan 4 dan 13:

*“...freeness. Saya nak buat apa yang saya suka...” (I4)*

*“...power dalam politik, buat masa sekarang yang perlukan adalah power, kalau ada power boleh lakukan apa sahaja....” (I13)*

Kebebasan adalah satu keperluan yang dikaitkan dengan keselamatan dalam Hierarki Keperluan Maslow (Bhalla et al., 2018). Kebebasan yang dimaksudkan oleh Informan 4 adalah berkaitan dengan persekitaran yang menyebabkan beliau tidak dapat melakukan perkara yang diingini. Hal ini disebabkan oleh persekitaran Dharavi yang padat dan tidak selamat. Bukan itu sahaja, kebebasan yang dimaksudkan juga berkaitan dengan kehidupan yang lebih privasi. Kehidupan dalam komuniti setinggan Tamil ini tidak mempunyai privasi oleh sebab jumlah penduduk yang padat serta penempatan yang sempit. Ini sekaligus mengganggu kebebasan mereka dan mendorong kepada tekanan hidup. Manakala, pernyataan oleh Informan 13 menerangkan kuasa sebagai salah satu keperluan bagi beliau sebagai seorang aktivis politik. Kuasa merupakan alat yang sangat berpengaruh dalam sesebuah kelompok masyarakat. Ini kerana kuasa memberi keupayaan kepada seseorang untuk melaksanakan kehendak mereka terhadap orang lain (Weber, 1978).

### *iii. Sanitasi dan tandas*

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sanitasi dan tandas merupakan satu lagi aspek dalam keperluan bukan material bagi komuniti ini. Informan 9 menyatakan mereka memerlukan satu persekitaran yang bersih dan selamat bagi meneruskan kehidupan yang berkualiti. Menurut beliau, tahap sanitasi yang baik akan dapat mengatasi pelbagai masalah lain. Informan 15 juga menyatakan keperluan tandas sebagai satu masalah utama di kawasan ini yang mengakibatkan kualiti hidup mereka berkurangan.

*“...like area ini, needs in the sense, saya nak sanitation proper one main thing. kalau yang ini satu ada, the most of problem akan solve out...” (I9)*

*“...Haaa. Toilet.. Main problem toilet di sini...” (I15)*

## *2. Pengaruh Faktor Kemahuan*

Kemahuan manusia merujuk kepada sesuatu perkara yang memberikan kepuasan tetapi tidak penting untuk kelangsungan hidup. Ianya mempunyai pengertian yang sangat berbeza dengan keperluan. Antara contoh kemahuan adalah barang dan perkhidmatan yang diingini oleh seseorang yang akan memberi kepuasan jika dimiliki (Surbhi, 2023). Setiap orang mempunyai situasi, cita rasa, budaya, dan keadaan hidup yang berbeza-beza yang menjadikan kemahuan manusia berlainan mengikut individu (Nasrudin, 2023). Dalam kajian ini, kemahuan dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kemahuan material dan bukan material.

### *Kemahuan Material*

Kemahuan material adalah sama seperti keperluan material iaitu merujuk kepada kebendaan yang manusia boleh nikmati secara fizikal. Bezanya adalah keperluan material merujuk kepada kebendaan berbentuk fizikal yang diperlukan oleh manusia untuk terus hidup, manakala kemahuan material adalah kebendaan berbentuk fizikal untuk mencapai kehidupan yang lebih selesa. Kemahuan material adalah keinginan untuk objek fizikal seperti pakaian berjenama, kereta mewah, dan harta benda lain (Schultz, n.d.). Seramai 7 orang informan yang ditemui bual menyatakan kemahuan mereka secara material yang terdiri daripada kelengkapan rumah dan kekayaan.

### i. Kelengkapan rumah

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahanan material bagi komuniti ini adalah keinginan untuk membeli rumah dan melengkapinya dengan pelbagai kemudahan. Menurut Informan 2 dan 6, dengan memiliki kerja dan pendapatan yang baik, beliau ingin untuk membeli rumah di kawasan yang strategik serta barang-barang keperluan rumah seperti televisyen. Beliau menjelaskan bahawa rumah yang sedang didiami di kawasan setinggan ini tidak memiliki televisyen, kipas yang mencukupi, dan motosikal. Keadaan ini amat rumit kerana kelengkapan-kelengkapan tersebut penting untuk mereka menjalankan rutin harian yang lebih berkualiti.

*“...In case ada better job and salary, first thing saya prefer rumah, then house excessory, still we dont have, not still, dulu ada sekarang tiada sebab beberapa faktor, tv tiada, jadi saya rasa akan offer itu, and something di rumah banyak perlu buat, dari segi wall. Basicly kalau bapa tidur ada satu kipas, something buat kerja di dapur di tidak boleh tidur, so something related yang saya tak mengganggu dia, so something space saya try lakukan...” (I2)*

*“...Definite kalau ada money akan baik, then, private room with good interiors...” (I6)*

Menurut petikan di atas oleh Informan 2, kemudahan dan kelengkapan rumah seperti mesin basuh, peti air, dan dapur adalah penting untuk meringankan kerja harian mereka. Ini kerana ramai antara mereka yang bekerja dan mempunyai kemudahan tersebut di rumah akan menjadikan hidup mereka lebih baik.

### ii. Kekayaan

Kemahanan material yang diinginkan oleh komuniti ini juga menjurus kepada aspek kemewahan. Semasa sesi temu bual, Informan 12 dan 20 menyatakan keinginan untuk mempunyai rumah bertingkat yang mewah yang didaftarkan atas nama beliau sendiri.

*“...kemahanan saya, nak tinggal di rumah bertingkat. Itu saya punya kemahanan sekarang. Rumah sendiri atas nama saya perlu ada. Itu saya punya kemahanan...” (I12)*

*“...Perlukan rumah, nak beli emas...” (I20)*

Informan 12 tetap mempunyai kemahanan untuk memiliki rumah mewah, walaupun cita-cita tersebut berada luar dari kebolehan kendiri beliau. Situasi ini bukan sahaja melibatkan Informan 12 tetapi ramai individu lain dalam komuniti ini yang bercita-cita untuk mempunyai kehidupan yang mewah. Seperti Informan 20 juga menekankan kemahanan beliau untuk memiliki rumah serta membeli emas. Membeli emas sangat relevan dengan kemahanan material yang diinginkan oleh seseorang kerana emas merupakan satu bentuk kekayaan dan harga emas sentiasa mempunyai nilai tersendiri.

### Kemahanan Bukan Material

Manusia tidak hanya tertakluk kepada kemahanan material malah mempunyai kemahanan bukan material yang melibatkan emosi dan perasaan (Seth, 2015). Jenis kemahanan yang tidak dapat dipenuhi dengan wang ringgit dikenali sebagai kemahanan bukan material. Dalam kajian ini, kemahanan bukan material yang menjadi pilihan majoriti informan adalah peluang pekerjaan, pendidikan yang berkualiti, persekitaran dan kesihatan, kebahagiaan dan keamanan, dan pembangunan semula.

### i. Peluang pekerjaan yang stabil

Walaupun pekerjaan dikategorikan di bawah sub tema keperluan, ianya masih menjadi satu kemahanan bagi segelintir orang. Ini kerana mereka berpandangan bahawa pekerjaan yang sedia ada cukup untuk menjalani kehidupan seharian tetapi ianya boleh menjadi kemahanan sekiranya mereka ingin mendapatkan pekerjaan yang lebih stabil untuk menjamin kualiti hidup yang lagi baik seperti pernyataan oleh Informan 5. Perkara ini jelas dinyatakan oleh Informan 1 yang menginginkan pekerjaan untuk memperoleh perbelanjaan yang

mencukupi. Manakala, Informan 3 mempunyai keinginan menjadi bekerja sendiri tanpa majikan. Ini kerana beliau beranggapan bahawa sikap pilih kasih mengakibatkan golongan minoriti tidak mendapat pekerjaan yang sewajarnya. Oleh itu, keinginan untuk bekerja sendiri akan memberi mereka satu kepuasan.

*“...saya perlukan kerja untuk dapat duit untuk belanja cukup...” (I1)*

*“...keinginan adalah nak jadi self employed..bekerja sendiri tanpa bergantung pada orang lain macam akan baik. sebab apa, kalau di luar ada partiality...” (I3)*

*“...Kerja yang baik...” (I5)*

#### *ii. Pendidikan yang berkualiti*

Pendidikan merupakan satu lagi elemen yang menjadi kemahuan bagi komuniti ini. Pendidikan yang berkualiti sudah pasti menjadi satu kemahuan kepada semua lapisan masyarakat, termasuk komuniti setinggan Tamil. Informan 3 jelas menyatakan kemahuan untuk sistem pendidikan yang lebih baik daripada apa yang mereka miliki sekarang. Ini kerana mereka tidak berpuas hati dengan sistem pendidikan sedia ada dan mahukan kualiti pendidikan yang lebih bermutu.

*“...Perlu ubah educational system. Kalau tiada apa pun, kalau education akan bersama kita. Kalau ubah itu, sebahagian lain akan ubah juga...” (I3)*

#### *iii. Persekutaran dan kesihatan*

Aspek persekitaran dan kesihatan juga menjadi kemahuan bukan material bagi komuniti ini. Informan 2 menjelaskan realiti sebenar hidup adalah sangat berbeza dengan kemahuan beliau. Realiti persekitaran yang kurang baik dengan pencemaran dan masalah kebersihan menjadikan beliau inginkan kehidupan dengan persekitaran yang berkualiti.

*“...Basic apa yang lihat, saya completely differents, nature variaties saya gemar sangat untuk explore nature like waterfalls something mountains and tracking. Thats is everything a part saya ada fikir, so perfect time kalau ada saya akan pergi. Saya tak pernah pergi sebelum ini, but there is something, so busy, macam ibu saya, saya pun schelude completely busy...” (I2)*

Dapat dilihat bahawa komuniti setinggan Tamil ini beranggapan bahawa dengan memiliki persekitaran yang baik, mereka akan mendapat tahap kesihatan yang berkualiti sejurus dengan kajian lepas oleh Keles (2012).

#### *iv. Kebahagiaan dan keamanan*

Kebahagiaan dan keamanan merupakan satu lagi kemahuan bukan material yang dikenal pasti dalam kajian ini. Sebahagian informan memiliki hubungan kekeluargaan yang kurang sihat, sekaligus menyebabkan mereka mempunyai keinginan untuk mempunyai keluarga yang bahagia. Pernyataan oleh Informan 8 dan 14 jelas menunjukkan bahawa mereka memerlukan kebahagiaan dan keamanan.

*“...Kemahuan adalah semua, keluarga, anak. Tanpa ada gaduh dalam keluarga itu baik. Itu sahaja cukup...” (I14)*

*“...Suami saya tidak bawa jalan ke mana-mana, sebab apa kerja, tiada cuti satu hari pun, kita ada kemahuan di dalam hati, tapi tidak boleh tunjukkan di luar. Tidak boleh luarkan perasaan, kalau nak ke kuil pun, mestи cakap sabar nanti kita pergi macam itu dia beritahu...Bukan tak nak buat, tapi dia tidak ada masa dan budget kurang. Sebab budget kurang kiat kadang-kadang ada perasaan marah suami dan kemahuan kita harus kunci dalam hati kita sendiri...” (I8)*

Seperti pernyataan Informan 8 di atas yang menghadapi masalah keluarga berpunca daripada keadaan atau kekangan hidup mereka. Ini kerana mereka berasa tidak bahagia bersama keluarga dan mahukan kebahagiaan tersebut.

#### v. Pembangunan semula

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan semula kawasan setinggan Dharavi juga menjadi satu kemahuan bagi komuniti ini. Informan 9 menyatakan keinginan untuk melihat pembangunan semula berlaku di Dharavi bagi menjamin kehidupan yang lebih baik. Manakala Informan 18 menyatakan mahu kawasan setinggan Dharavi ini maju di masa depan seiring dengan pembangunan semula.

*“...buat pembinaan semula bina building baru...” (I9)*

*“...Mahu Dharavi maju ke hadapan...” (I18)*

Para informan di atas jelas menunjukkan bahawa kemahuan untuk pembangunan semula ini sudah pasti menjadi satu impian bagi semua golongan di Dharavi. Pembangunan semula yang seimbang harus dipastikan tanpa menganggu penempatan dan aktiviti ekonomi mereka (Strickland, 2022). Bagi tujuan itu, mengenal pasti pandangan mereka akan membantu dalam pembangunan yang seimbang oleh pemegang taruh serta menjamin kualiti hidup mereka (Ganapatiye & Nandgaonkar, 2020).

### Perbincangan

Terdapat pengaruh faktor keperluan dan kemahuan terhadap interpretasi komuniti setinggan Tamil tentang kualiti hidup yang terdiri daripada aspek keperluan dan kemahuan secara material atau bukan material. Keperluan dan kemahuan adalah dua perkara penting bagi seseorang yang berada dalam situasi berbeza. Makanan, pakaian, dan tempat tinggal dianggap sebagai tiga keperluan asas untuk kelangsungan hidup sehari-hari, tetapi pada hakikatnya ini tidak selalu berlaku kerana ketiga-tiga perkara ini juga boleh bertukar menjadi kemahuan jika tidak dipertimbangkan dengan teliti (Bhatt, 2022). Dalam kajian ini, perumahan dan kewangan merupakan keperluan utama komuniti ini dan, pada masa yang sama, ianya juga menjadi kemahuan bagi sesetengah individu. Ini kerana setiap orang mempunyai situasi mereka sendiri yang menentukan keperluan dan kemahuan mereka.

Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Cherry (2022) yang menerangkan keperluan sebagai satu bentuk motivasi bagi seseorang untuk memenuhi keperluan asas sebelum beralih kepada keperluan lanjutan yang lain, atau lebih dikenali sebagai kemahuan. Dapatan kedua-dua kajian ini merumuskan bahawa setiap keperluan boleh menjadi kemahuan mengikut tahap perolehan tertentu. Selain itu, kajian oleh Mundu dan Bhagat (2008) menganalisis keadaan kawasan setinggan di Mumbai dengan kemudahan-kemudahan awam. Kajian tersebut mempunyai persamaan daripada segi mengenal pasti kemudahan-kemudahan sedia ada bagi komuniti setinggan Dharavi ini sebagai keperluan.

Seterusnya, manusia secara semula jadi mengutamakan kemahuan semasa mereka daripada matlamat masa depan kerana situasi semasa memberikan kebahagiaan yang lebih besar daripada situasi masa depan. Bukan itu sahaja, masa depan adalah tidak pasti serta tidak dapat diramalkan (Chand, 2013). Akan tetapi, hasil kajian ini membuktikan bahawa majoriti informan cenderung untuk memiliki kemahuan untuk masa hadapan. Ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Chand (2013) iaitu komuniti setinggan Tamil di Dharavi Mumbai India lebih mengutamakan kemahuan untuk masa hadapan berbanding kemahuan semasa.

Secara ringkasnya, kajian terdahulu (Mundu & Bhagat, 2008; Jagdale, 2013; Subbaraman et al., 2015) mempunyai persamaan daripada segi penentuan kualiti hidup dengan keperluan dan kemahuan di kawasan setinggan. Tetapi kajian ini menjelaskan idea baru tentang kepentingan mengetahui pandangan komuniti yang terlibat terhadap kualiti hidup melalui pengaruh faktor keperluan dan kemahuan. Kajian ini juga mempamerkan keunikan dengan mengenal pasti faktor keperluan dan kemahuan secara material atau bukan material yang mendorong kepada pandangan sesebuah komuniti terhadap kualiti hidup mereka.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pandangan komuniti yang terlibat harus diambil kira dalam memastikan pembangunan yang seimbang. Komuniti setinggan Tamil di Dharavi Mumbai, India mempunyai pandangan tersendiri terhadap kualiti hidup dengan mentafsirkan faktor keperluan dan kemahuan mereka. Segala pandangan yang mereka berikan daripada segi keperluan dan kemahuan harus dipertimbangkan untuk memastikan kualiti hidup yang lebih baik. Hal ini membolehkan pandangan mereka dapat diambil kira dalam proses pembangunan yang efektif. Akan tetapi, kajian ini mempunyai limitasi kerana ianya hanya menggunakan pendekatan kualitatif dengan bilangan informan yang terhad. Oleh sebabkekangan masa, kajian ini hanya mendapatkan 20 orang informan dan bilangan tersebut mencukupi untuk mendapatkan data kajian hasil proses temu bual yang mendalam dan melibatkan masa yang panjang untuk setiap temu bual. Kajian masa depan dicadangkan agar mengaplikasi kaedah campuran (*mix method*) dengan menggabungkan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk memperoleh dapatan kajian yang lebih menyeluruh. Penglibatan kaedah kajian lain juga dapat meneroka subjek kajian dengan lebih meluas dan menambahkan penemuan baru dalam bidang kajian ini.

**Penghargaan:** Sekalung penghargaan ditujukan kepada komuniti Tamil Dharavi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, serta semua pihak yang memberi sumbangan dalam penerbitan kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Kebenaran diperoleh daripada semua informan yang terlibat dalam kajian ini.

## Rujukan

- Bhalla, K., Kumar, T., & Rangaswamy, J. (2018). An integrated rural development model based on comprehensive Life-Cycle Assessment (LCA) of Khadi-Handloom Industry in Rural India. *Procedia CIRP*, 69, 493–498. <https://doi.org/10.1016/j.procir.2017.11.072>
- Chand, S. (2013). *Human wants: Meaning, characteristics and exceptions to the characteristics of wants*. Your Article Library.
- Chauhan, A. (2021). *Analysis of Dharavi redevelopment project to identify the key institutional weakness*. Manchester School of Architecture.
- Cherry, K. (2022, August 14). *Maslow's hierarchy of needs*. Verywellmind.
- Coleman, J. (1958). Relational Analysis: The study of social organizations with survey methods. *Human Organization*, 17(4), 28–36. <https://doi.org/10.17730/humo.17.4.q5604m676260q8n7>
- Crerar, S. (2010, May 13). Mumbai slum tour: why you should see Dharavi. *The Times*. <https://www.thetimes.co.uk/article/mumbai-slum-tours-why-you-should-see-dharavi-r9q0sdxm3x8>
- Creswell, J. W., & Plano, C. V. L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd ed). SAGE Publications.
- De Geest, G., & Walraet, A. (2014). *From poverty tourism to pro-poor tourism: Opportunities and difficulties of slum tourism in Mumbai with regard to poverty reduction*. Universiteit Gent.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (2000). *Handbook of qualitative research* (5th ed.). Sage Publications.
- Diener, E., Suh, E. M., Lucas, R. E., & Smith, H. L. (1999). Subjective well-being: Three decades of progress. *Psychological Bulletin*, 125(2), 276–302. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.125.2.276>
- Fernando, A. C. (2009). Corporate governance: Principles, policies and practices. *Prentice Hall, Beijing*.
- Gall, M. D., Bong, W. R., & Gall, J. P. (2003). *Educational research: An introduction* (7th ed.). Longman Publisher.
- Ganapatye, S., & Nandgaonkar, S. (2020, October 24). Govt lacks vision to redevelop Dharavi, say urban planners. *Mumbai Mirror*. <https://mumbaimirror.indiatimes.com/mumbai/other/govt-lacks-vision-to-redevelop-dharavi-say-urban-planners/articleshow/78838441.cms>

- Hörnquist, J. O. (1982). The concept of quality of life. *Scandinavian Journal of Social Medicine*, 10(2), 57–61. <https://doi.org/10.1177/140349488201000204>
- InterNations. (2021). *India: Low quality of life but great for personal finance*. InterNations.
- Islam, M. R., & Faruque, C. J. (2016). Features of qualitative research. In *Qualitative Research: Tools and Techniques*. (pp. 18–53). Farwood Publishing.
- Jagdale, R. H. (2013). *An overview of slum rehabilitation schemes in Mumbai, India*. The University of Texas at Austin.
- Keles, R. (2012). The quality of life and the environment. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 35, 23–32. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.02.059>
- Kemp-Benedict, E. (2013). Material needs and aggregate demand. *The Journal of Socio-Economics*, 44, 16–26. <https://doi.org/10.1016/j.socloc.2013.02.003>
- Laporan Ketua Setiausaha. (2018). *Laporan Matlamat Pembangunan Mampan. Goal 1*. Sustainable Development Knowledge Platform.
- Manoj, N. (2018, November 5). Mumbai. *Hindustan Times*. <https://www.hindustantimes.com/columns/manoj-r-nair-101608310347342>
- Marohaini Yusoff. (2001). Bentuk pelaksanaan dan proses pra menulis karangan pelajar tingkatan empat. *Pertanika Journal Social Science & Human*, 7(1), 31–41.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Mohd Majid, K. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mundu, G., & Bhagat, R. B. (2008). Slum conditions in Mumbai with reference to the access of civic amenities. [https://www.researchgate.net/publication/290163244\\_Slum\\_conditions\\_in\\_Mumbai\\_with\\_reference\\_to\\_the\\_access\\_of\\_civic\\_amenities](https://www.researchgate.net/publication/290163244_Slum_conditions_in_Mumbai_with_reference_to_the_access_of_civic_amenities)
- Nasrudin, A. (2023, January 22). *Wants: Definition and examples*. Penpoin. <https://penpoin.com/wants/>
- Olotuah, A. (2012). Slums. In *international encyclopedia of housing and home* (pp. 355–361). Elsevier. <https://doi.org/10.1016/B978-0-08-047163-1.00532-4>
- Orb, A., Eisenhauer, L., & Wynaden, D. (2001). Ethics in qualitative research. *Journal of Nursing Scholarship*, 33(1), 93–96. <https://doi.org/10.1111/j.1547-5069.2001.00093.x>
- Parikh, R. (2022, April 21). *The importance of skill development at an early age in school education*. Times of India Blog. <https://timesofindia.indiatimes.com/blogs/voices/the-importance-of-skill-development-at-an-early-age-in-school-education/>
- Schultz, K. (n.d.). *Needs and wants: Definition, difference, & examples*. The Berkeley Well-Being Institute.
- Seth, T. (2015). *Human wants: Characteristics, importance and classification of wants*. Economics discussion. <https://www.economicsdiscussion.net/articles/human-wants-characteristics-importance-and-classification-of-wants/1451>
- Shanmugasundaram, J. (2021). Tamils in Mumbai's Dharavi appeal Tamil Nadu Govt to protect their rights. *The Times of India*. <https://timesofindia.indiatimes.com/city/chennai/tamils-in-mumbais-dharavi-appeals-tamil-nadu-govt-to-protect-their-rights/articleshow/87719274.cms>
- Sirgy, M. J. (1986). A quality-of-life theory derived from Maslow's developmental perspective. *The American Journal of Economics and Sociology*, 45(3), 329–342. <https://doi.org/10.1111/j.1536-7150.1986.tb02394.x>
- Streeten, P. (1979). Basics needs: Premises and promises. *Journal of Policy Modeling*, 1(1), 136–146. [https://doi.org/10.1016/0161-8938\(79\)90047-4](https://doi.org/10.1016/0161-8938(79)90047-4)
- Strickland, Y. (2022). *Dharavi, India lebih daripada slum terbesar Asia*. Yourtripagent. <https://ms.yourtripagent.com/dharavi-india-is-more-than-asia-s-largest-slum-5936>
- Subbaraman, R., Nolan, L., Sawant, K., Shitole, S., Shitole, T., Nanarkar, M., Patil-Deshmukh, A., & Bloom, D. E. (2015). Multidimensional measurement of household water poverty in a Mumbai slum: Looking beyond water quality. *PLOS ONE*, 10(7), e0133241. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0133241>
- Surbhi. (2023, June 24). *Difference between needs and wants (with comparison chart)*. Key Differences.

- The Whoqol Group. (1998). The World Health Organization quality of life assessment (WHOQOL): Development and general psychometric properties. *Social Science & Medicine*, 46(12), 1569–1585. [https://doi.org/10.1016/S0277-9536\(98\)00009-4](https://doi.org/10.1016/S0277-9536(98)00009-4)
- The World Health Organization Quality of Life (WHOQOL). (2012).
- Ventegodt, S., Merrick, J., & Andersen, N. J. (2003). Quality of life theory III. Maslow Revisited. *The Scientific World Journal*, 3, 1050–1057. <https://doi.org/10.1100/tsw.2003.84>
- Weber, M. (1978). *Economy and society: An outline of interpretive sociology*. University of California Press.